

Unikkah manusia?



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaitonmohamad@yahoo.com

15 25 04 2012 33

DALAM kehidupan manusia ada pasang dan surutnya. Sudah menjadi lumrah kehidupan di dunia bahawa hidup manusia tidak akan ada yang statik, tidak berubah dari kecil hingga dewasa. Malah setiap manusia akan sentiasa berubah-ubah dan berkembang. Lantaran itu putaran kehidupan manusia adalah kompleks dan tidak konsisten. Bagi orang yang berjaya mereka tidak akan meletakkan satu titik noktah dalam hidupnya. Malah sentiasa memikirkan apa lagi kebolehan dan peluang-peluang yang patut diceburinya sehinggakan memiliki harta berbillion-billion, walaupun tidak mempunyai pewaris pun bagi semua hartanya. Namun atas dasar tidak ada titik noktah dalam pencariannya maka bagi golongan berkenaan, setiap kali memperolehi keuntungan dan kemewahan maka itulah kepuasan maksimum bagi diri mereka.

Ini disebabkan manusia itu sendiri adalah unik dan berbeza-beza di antara satu sama lain. Walaupun ada pendapat ilmuan yang mengatakan setiap manusia mempunyai tujuh orang menyerupai yang sama namun setiap satunya memiliki cap jari yang berlainan, begitu juga dengan corak personaliti, pemikiran dan pembawaan diri. Lantaran itu setiap manusia wajib dilayan sama sahaja tanpa mengira paras dan rupa kerana semua manusia memerlukan kasih sayang untuk hidup. Sekiranya tidak disiram dan dibaja dengan kasih sayang maka jiwanya akan kering sama seperti pokok-pokok yang memerlukan air, cahaya dan baja untuk hidup. Pokok akan layu dan akhirnya mati sekiranya manusia tidak membajainya dan menyiramnya dengan air. Begitu juga dengan kehidupan walaupun semuanya mendapat sinar matahari namun keperluannya adalah berbeza antara satu sama lain.

Tidak suka kepada seseorang adalah sesuatu yang lumrah kerana dalam kehidupan terdapat tiga kategori manusia yang kita perlukan antaranya ialah kenalan, rakan dan sahabat. Kawan adalah seseorang yang kita kenali setakat di luar sahaja dan kita tidak akan sentiasa berhubung. Manakala rakan pula yang selalu dibawa untuk bersembang tentang perkara-perkara luaran sahaja namun sahabat adalah orang yang paling sukar dicari kerana memerlukan persefahaman dan saling hormat mengormati antara satu sama lain dan akan bersama-sama dalam susah dan senang. Lantaran itu kategori ketiga-tiga tadi boleh berubah mengikut situasi individu yang mengalaminya. Namun seboleh-bolehnya dielakkan untuk membenci seseorang kerana ia melibatkan emosi yang mendalam dan sukar untuk diubah. Cukup hanya tidak suka kerana setiap orang akan mempunyai pendapat yang berbeza, mungkin juga orang tidak menyukai diri kita.

Justeru itu, sekiranya kita tidak menyukai seseorang maka lebih baik kita berdiam diri daripada menabur fitnah, mengata perkara-perkara yang negatif tentang orang yang tidak disukai, malah yang paling tidak bermoral ialah sengaja menyakiti hati orang yang tidak disukainya. Oleh itu sekiranya mempunyai pemikiran yang negatif ia akan memimpin tingkah laku dan emosi juga ke arah yang negatif. Pada ketika itu syaitan dan iblis akan mula mencucuk jarum supaya lebih menunjuk-nunjuk sikap riak dan takabur dengan dirinya, sekiranya mempunyai hiasan di badan maka ditayangkannya, sekiranya mempunyai susuk tubuh yang menarik maka dibukanya aurat untuk tontonan ramai, sekiranya mempunyai kenalan daripada orang-orang kenamaan juga akan diakui itulah saudara maranya. Apabila wujud sifat riak, ia akan mendorong ke arah beberapa penyakit hati lain seperti ujub iaitu berbangga dengan kelebihan diri sendiri. Maka dengan cara itu akan merosakkan diri dan menjatuhkan maruah sebagai seorang insan.

Rasulullah menasihatkan umatnya agar tidak sesekali menyebut kebaikan diri dan keluarga kerana sikap sedemikian akan mendorong seseorang kepada sifat riak. Imam al-Ghazali menerangkan bahawa sesiapa yang tidak membuang sifat riak ini, nescaya akan dihempap kecelakaan serta akan tergolong dalam golongan kufur. Jika hal ini berlaku, maka tentulah dia tidak lagi layak memasuki syurga, apatah lagi mencium baunya. Justeru itu sentiasalah bermuhasabah dengan diri supaya tidak tersasar daripada landasan yang sebenar.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi, HEP, UMS